

KP: 5700/194/(67B)

KEMENTERIAN PELAJARAN,
KUALA LUMPUR.

Uapad : ADHO
461
80/80

UCHAPAN MENTERI PELAJARAN, ENCHE HUSSEIN ONN,
DI-UPACHARA PEMBUKAAN PERSIDANGAN KETUA2 PEGAWAI
PELAJARAN DAN GURU2 BESAR SEKOLAH MENENGAH
VOKESHENAL DI-DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA
LUMPUR PADA 7HB. SEPTEMBER, 1971 PUKUL 8.30 PAGI

Saya memanggil persidangan ini untok tujuan: memikirkan serta merancang bersama sa-chara detail bagaimana hendak melaksanakan dasar baru berkaitan dengan pelajaran dan letahan vokeshenal di-Sekolah2 Menengah Vokeshenal.

Menurut dasar baru ini, pemuda dan pemudi kita hendak-lah di-beri pekerjaan sa-baik sahaja keluar dari Sekolah2 Vokeshenal sa-bagai pekerja2 mahir di-sektor awam dan swasta. Sa-lain daripada itu, mereka hendak-lah di-leteh dalam tempoh-masa yang sa-singkat2-nya. Ini ada-lah arahan yang saya terima daripada Perdana Menteri dan arahan ini akan di-laksanakan dengan penoh dan segera. Saya menyetujui sa-penoh-nya arahan ini yang di-dapati perlu kerana pekerja2 mahir yang chukup di-perlukan segera untok melaksanakan dengan jaya berbagai ranchangan dan projek di-bawah Ranchangan Pembangunan Malaysia yang Kedua dan Ranchangan2 yang berikutan.

Kursus2 vokeshenal sekarang ini bertujuan memberikan asas pelajaran yang di-perlukan dan sa-lepas itu peserta2 kursus terpaksa pula mengikuti letahan praktikal. Perkara ini di-ubah dalam dasar baru. Pelajaran asas di-beri bersama2 dengan letahan praktikal.

Saya memang sedar kesan2 yang akan timbul, saperti jenis dan tempoh-masa kursus2 yang akan di-sediakan, mata2 pelajaran dan sukatan2 pelajaran yang akan di-gunakan, letahan dan bilangan pengajar2 tambahan yang di-perlukan, kemudahan2 tambahan yang di-perlukan, perbelanjaan tambahan yang di-perlukan, dan lain2. Tuan2 ada-lah terdiri dari pakar2, dan tuan2 ada-lah di-kehendaki menaliti perkara2 ini serta mengemukakan kapada saya pendapat dan shor2 tuan. Tuan2 hendak-lah mensifatkan perkara ini sa-bagai segera. Bagi pehak saya, saya akan memberikan tuan2 segala bantuan dan galakan. Dari hari ini, Ketua2 Pegawai Pelajaran hendak-lah memberikan perhatian yang utama kapada sekolah2 vokeshenal di-negeri masing2 dan memberikan apa2 jua bantuan dan galakan.

Pengetua2 dan guru2 pula hendak-lah melapangkan masa melawat kilong2 perusahaan dan loji2 yang lain untok mengadakan hubongn serta muhibbah di-samping mengetahui sa-benar-nya jenis2 pekerja mahir dan letahan yang mereka perlukan. Perusahaan2 dan majikan2 yang lain hendak-lah di-galakkan melawat dan menroh minat terhadap sekolah2 vokeshenal kita.

Perkara yang paling berat yang kita hadapi ia-lah soal mendapatkan guru2, pengejar2 dan kakitangan tambahan lain yang mempunyai kelayakan yang sesuai. Jika perlu, kita akan mengambil kakitangan2 ini dari seberang laut sa-kira-nya bilangan yang ada di-sekolah2 vokeshenal sekarang ini dan mereka yang akan tamat letahan dari Maktab Perguruan Teknik dan yayaan2 yang lain tidak menchukupi. Sektor perusahaan swasta mungkin boleh memberi bantuan dalam soal ini.

(tambahan)

Sa-lain daripada itu, kita juga memerlukan bilek2 darjah, wokshop, mesin dan alat2 kelengkapan tambahan. Semua perkara ini terpaksa di-binchangkan dan shor2 yang tepat dan menyeluruh di-kemukakan kepada saya.

Suatu kertas kerja untok di-jadikan asas panduan perbinchangan, telah di-sedia dan di-bahagi2kan kepada tuan2. Tuan2 ada-lah di-kehendaki membinchangkan-nya sa-chara meluas dan mendalam.

Oleh kerana pelajaran dan latehan vokeshenal juga di-laksanakan oleh lain2 Kementerian, badan2 dan yayasan2 berkanun, ada-lah penting di-adakan kerjasama serta penyelarasan di-antara Kementerian Pelajaran dan pehok2 tersebut. Langkah ini ada-lah bertujuan untok mengelakkan keadaan berganda, membazir dan pertandingan, dan untok menjamin supaya kakitangan, bahan2 serta sumber2 kewangan kita yang terhad itu di-gunakan sa-penoh2-nya.

Esok tuan2 akan menemui serta berbinchang dengan wakil2 daripada Bahagian Peranchang Ekonomi, Kementerian2 yang lain, Perbendaharaan, Lembaga Letrik Negara, Keretapi, Institut Teknologi MARA, Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya, Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, MARDI dan lain2.

Nampak-nya ranchengan ini merupakan satu ranchengan mengejut. Tetapi saya berase yakin bahawa tuan2 dan lain2 yang berkenaan akan bangun, sedia bertungkus lumus untok menghadapi chabaran ini.

Dengan ini, saya menguchapkan selamat berbinchang dan saya akan menunggu pendapat2 serta shor2 yang akan tuan2 kemukakan kelak.

KUALA LUMPUR,
6hb. September, 1971.

(di-keluarkan pada pukul 9.15 malam).

/ms.

=====



No. Siri	60
Penerimaan	60/80